



**BOOST**  
Juice bars



**Liga Suparimau**  
**Pek Maklumat 2021**  
**Jun – September**

ORGANIZED BY:





**Selamat Datang ke Liga Suparimau,  
dipersembahkan oleh Boost Juice**

# Kandungan

1. Selamat Datang ke Liga Suparimau	4
2. Zon Liga Suparimau	6
3. Proses Pendaftaran	7
4. Pendaftaran Pasukan	8
5. Yuran Perlawanan	9
6. Pendaftaran Pemain	10
7. Kategori Umur	11
8. Format Permainan	12
9. Komunikasi	13
10. Garis Panduan Umum	14
11. Tatatertib	15
12. Jadual liga	
Lembah Klang	17
Penang	18
Perak	19
Johor	20
Negeri Sembilan	21
Kedah	22



# Selamat Datang

Datuk Ong Kim Swee  
*Pengarah Teknikal, FAM*



Selamat datang ke Liga SupaRimau!

Dengan sukacitanya, bagi pihak Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM), kami mengucapkan selamat datang ke liga akar umbi kami, Liga SupaRimau yang dibawakan oleh Boost Juice.

Bola sepak akar umbi adalah salah satu tonggak utama dalam Roadmap F-30 FAM, kerana setiap orang wajar mendapat peluang untuk bermain dan belajar mengenai bola sepak di peringkat akar umbi.

Pada bulan Mei 2019, FAM melancarkan Piagam SupaRimau sebagai inisiatif untuk menyelaras, menyokong dan mempromosi pembangunan akademi akar umbi di Malaysia. Sebahagian daripada rancangan ini adalah untuk mewujudkan liga akar umbi yang akan menyediakan platform bagi akademi akar umbi bermain dalam persekitaran yang selamat, tersusun dan yang paling penting, menyeronokkan.

Di peringkat akar umbi, walaupun menang itu adalah perkara yang baik, penekanan yang diberi keutamaan adalah pada penyertaan dan minat terhadap permainan bola sepak. Kita harus ingat bahawa ini selalu menjadi fokus utama dalam mengembangkan bakat akar umbi kita.

Kami percaya bahawa dengan penglibatan dan dedikasi anda terhadap bola sepak akar umbi melalui Liga SupaRimau, anda dapat membantu mendorong perkembangan bola sepak yang akan menyumbang kepada masa depan bola sepak Malaysia.

**Datuk Ong Kim Swee**  
*Pengarah Teknikal*  
Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM)



# Selamat Datang

Will Kucia

Pengarah Liga, Maxim Events



Liga Suparimau adalah liga bola sepak akar umbi yang dikelolakan di bawah Persatuan Bola Sepak Malaysia.

Ini adalah pertandingan yang merangkumi semua peringkat umur dan menyediakan aspek pembangunan yang tersusun untuk semua kanak-kanak di Malaysia yang berumur dari 6 hingga 16 tahun.

Liga Suparimau dijalankan dengan satu set peraturan dan format yang bertujuan untuk memberikan pengalaman yang sama kepada semua pasukan, tidak kira di wilayah mana mereka bermain.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Boost Juice kerana berkerjasama dengan kami sebagai rakan kongsi Liga Suparimau. Dengan sokongan Boost Juice, membolehkan kami menyediakan platform di mana semua pemain akar umbi dapat mengembangkan bakat mereka, dan saya tidak sabar untuk memulakan perlawanan liga ini di seluruh negara!

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan semoga berjaya kepada semua pemain dan pasukan.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi saya melalui e-mel di bawah.

Terima kasih,

**Will Kucia**  
[will@ligasuparimau.my](mailto:will@ligasuparimau.my)  
T: 012 770 5909



# Zon 2021

Untuk tahun 2021, Liga Suparimau akan di jalankan di 8 negeri di semenanjung Malaysia:



# Proses Pendaftaran

Proses pra  
musim

1

Daftar pasukan anda di  
[www.ligasuparimau.my/register](http://www.ligasuparimau.my/register)

2

Bayar pendaftaran pasukan anda  
melalui kad kredit/debit atau perbankan  
atas talian melalui FPX

3

Daftar pemain anda di Portal  
Jurulatih Liga Suparimau

4

Bayar yuran hari  
perlawanan anda

5

Nikmati pengalaman pertandingan  
yang dijalankan

Proses  
semasa  
perlawanan  
mingguan



# Pendaftaran Pasukan

Pendaftaran Liga Suparimau Musim 2021 A, yang dibawakan oleh Boost Juice kini dibuka di laman sesawang Liga Suparimau. Semua pendaftaran mestilah dibuat melalui laman sesawang.

Apabila anda melengkapkan borang pendaftaran dalam talian kami, anda akan diminta untuk memilih wilayah atau daerah Liga Suparimau dan nyatakan kategori umur untuk penyertaan. Pilih wilayah atau daerah yang paling hampir dengan lokasi pasukan anda dan masukkan semua kumpulan umur yang ingin anda serta dalam satu pendaftaran.

Setelah mengisi maklumat pasukan anda, yuran pendaftaran akademi anda akan dikira dan anda akan mendapat pilihan untuk membayar dalam talian melalui kad kredit / debit atau menerima inovis rasmi Liga Suparimau melalui emel. Sekiranya anda memilih untuk menerima inovis , pilihan berikut tersedia untuk pembayaran yuran pendaftaran:

- Kad kredit/debit
- Perbankan dalam talian melalui FPX

**Harap maklum: Pendaftaran Liga Suparimau hanya sah selama 1 musim.** Pasukan anda akan dikehendaki mendaftar semula untuk Musim B pada akhir tahun.

## | Yuran pendaftaran

**Bayaran pendaftaran perlu dibayar sebelum musim bermula dan ianya tidak termasuk bayaran hari perlawanan**

Bawah 6	Bawah 8	Bawah 10	Bawah 12	Bawah 14	Bawah 16	Perempuan
RM200	RM400	RM400	RM400	RM400	RM400	RM400
<b>Setiap pasukan, setiap musim</b>						

### Contoh yuran:

'Youth Soccer Academy' mendaftar 1 pasukan Bawah 8 tahun, 1 pasukan Bawah 10 tahun dan 2 pasukan Bawah 12 tahun.

Bayaran pendaftaran mereka adalah RM1,600 (4 pasukan x RM400)



# Yuran Perlawanan

Bayaran hari perlawanan berikut akan dikenakan untuk setiap pasukan setiap minggu perlawanan. Yuran mesti dibayar sebelum pasukan turun ke padang untuk bermain.

	Klang Valley	Penang	Perak	Johor	Negeri Sembilan	Kedah
<b>Bawah 6</b>	RM60	RM60	RM50	RM50	RM50	RM50
<b>Bawah 8</b>	RM110	RM100	RM90	RM90	RM90	RM90
<b>Bawah 10</b>	RM140	RM130	RM110	RM110	RM110	RM110
<b>Bawah 12</b>	RM160	RM160	RM130	RM130	RM130	RM130
<b>Bawah 14</b>	RM240	RM230	RM200	RM200	RM200	RM200
<b>Bawah 16</b>	RM240	RM230	RM200	RM200	RM200	RM200
<b>B10 Perempuan</b>	RM110	RM100	RM90	RM90	RM90	RM90
<b>B12 Perempuan</b>	RM110	RM100	RM90	RM90	RM90	RM90
<b>B14 Perempuan</b>	RM140	RM130	RM110	RM110	RM110	RM110
<b>B16 Perempuan</b>	RM160	RM160	RM130	RM130	RM130	RM130



# Pendaftaran Pemain

## Portal Jurulatih

Setelah berjaya mendaftar ke Liga Suparimau, jurulatih pasukan anda akan mendapat akses ke Portal Jurulatih Liga Suparimau. Di sini, jurulatih dan pengurus pasukan akan dapat mengemaskini maklumat mengenai pasukan mereka dan memulakan proses pendaftaran pemain.

Maklumat lebih lanjut mengenai cara mendaftarkan pemain anda di Portal Jurulatih akan tersedia apabila tempoh pendaftaran pemain dibuka.

## Kelayakan Pemain

### Bawah 6, Bawah 8, Bawah 10, Bawah 12

Semua pemain berusia 12 tahun ke bawah layak untuk mendaftar dalam satu pasukan dan bermain di Liga Suparimau. Ini termasuk pemain di bawah program AT. Semua pemain mesti didaftarkan untuk pasukan bawah Portal Jurulatih dan pemain boleh didaftarkan hanya satu pasukan sahaja sepanjang musim.

### Bawah 14 dan Bawah 16 Tahun

Bagi kumpulan umur Bawah 14 dan Bawah 16 tahun, pasukan tidak dibenarkan mendaftar mana-mana pemain yang aktif bermain dengan program PLD, SSN, SSM atau AMD. Mana-mana pasukan didapati mendaftar pemain yang tidak mengikuti syarat akan dibatalkan dari Liga Suparimau.

### Kumpulan Umur Perempuan

Semua peserta perempuan dibenarkan mendaftar dan menyertai Liga Suparimau.

## Tarikh Akhir Pendaftaran dan Pemindahan

Semua pemain mesti didaftarkan melalui Portal Jurulatih Liga Suparimau sebelum musim bermula. Sekiranya pemain tidak didaftarkan sebelum tarikh akhir, atau jika pemain baru menyertai pasukan anda, mereka tidak akan dibenarkan bermain sehingga butiran mereka diserahkan kepada pihak pengurusan Liga Suparimau dan juga sehingga pendaftaran mereka telah diproses dan diluluskan dalam masa 10 hari.

### Pemindahan

Sekiranya pemain telah bermain untuk pasukan lain untuk musim ini, mereka tidak akan dibenarkan bermain kelab anda. **Pemindahan pemain tidak akan dibenarkan semasa musim sedang berjalan.**



# Kategori Umur

Liga Suparimau akan dijalankan untuk kumpulan umur dari Bawah 6 sehingga Bawah 16 tahun, dengan 'cut-offs' tarikh lahir yang berikut:

Kumpulan Umur	Cut-off
Bawah 6	Dilahirkan pada 1 Januari 2015 dan seterusnya
Bawah 8	Dilahirkan pada 1 Januari 2013 dan seterusnya
Bawah 10 (lelaki dan perempuan)	Dilahirkan pada 1 Januari 2011 dan seterusnya
Bawah 12 (lelaki dan perempuan)	Dilahirkan pada 1 Januari 2009 dan seterusnya
Bawah 14 (lelaki dan perempuan)	Dilahirkan pada 1 Januari 2007 dan seterusnya
Bawah 16 (lelaki dan perempuan)	Dilahirkan pada 1 Januari 2005 dan seterusnya

**Catatan:** Kanak-kanak perempuan boleh bermain dalam pertandingan lelaki dengan kelebihan 1 kategori umur. Sebagai contoh, seorang pemain perempuan yang dilahirkan pada 1 Januari 2011 dan bermain untuk kategori umur Bawah 12 tahun perempuan boleh bermain dalam kategori umur Lelaki Bawah 10 tahun.

**Pasukan boleh mendaftarkan maksimum 3 kanak-kanak perempuan yang lebih umur dalam skuad lelaki.**



# Format Permainan

## Kategori Umur Lelaki

	B6	B8	B10	B12	B14	B16
Format permainan	3 vs 3 (no GK)	5 vs 5	7 vs 7	9 vs 9	11 vs 11	11 vs 11
Maksimum pemain per skuad	8	13	18	20	25	25
Tempoh permainan	4 x 6 minit	4 x 10 minit	3 x 15 minit	2 x 25 minit	2 x 25 minit	2 x 25 minit
Saiz bola	3	4	4	4	5	5
Offside	Tidak digunakan	Tidak digunakan	Tidak digunakan	Digunakan	Digunakan	Digunakan
Balingan masuk	Sepakan	Sepakan	Balingan	Balingan	Balingan	Balingan
Perlindungan sepakan gol	Pihak lawan berundur ke garisan tengah padang	Pihak lawan berundur ke 8m zon yang ditetapkan	-	-	-	-

Senarai penuh peraturan dan format boleh dilihat di [www.ligasuparimau.my/formats](http://www.ligasuparimau.my/formats)

## Kategori Umur Wanita

	B10 Perempuan	B12 Perempuan	B14 Perempuan	B16 Perempuan
Format permainan	5 vs 5	5 vs 5	7 vs 7	9 vs 9
Maksimum pemain per skuad	13	13	18	20
Tempoh permainan	4 x 10 minit	4 x 10 minit	2 x 20 minit	2 x 25 minit
Saiz bola	4	4	5	5
Offside	Tidak digunakan	Tidak digunakan	Tidak digunakan	Digunakan
Balingan masuk	Sepakan	Sepakan	Balingan	Balingan
Perlindungan sepakan gol	Pihak lawan berundur ke 8m zon yang ditetapkan	-	-	-

Senarai penuh peraturan dan format boleh dilihat di [www.ligasuparimau.my/formats](http://www.ligasuparimau.my/formats)



# Komunikasi

Segala yang dikemaskini rasmi oleh Liga Suparimau akan dimaklumkan melalui emel dan Portal Jurulatih. Jika anda mempunyai soalan lanjut, anda boleh hubungi pengurus daerah atau wilayah di kawasan anda, atau hubungi pihak pengurusan Liga Suparimau melalui maklumat yang tertera di bawah.



**Emel**  
[info@ligasuparimau.my](mailto:info@ligasuparimau.my)



**Laman Sesawang**  
[www.ligasuparimau.my](http://www.ligasuparimau.my)



**Media Sosial**  
[@ligasuparimau](https://www.instagram.com/ligasuparimau)



The image shows a laptop screen displaying the official website of the Liga Suparimau. The website has a dark theme with a yellow header bar. The header includes links for 'Select Region', 'Coaches', 'The Club', 'About', 'Register', 'Regions', 'League Info', 'News', and 'Club Liga Suparimau'. Below the header is a large banner featuring a group of football players in green jerseys. The banner text reads 'Welcome to Liga Suparimau' and 'Presented by BOOST juice bars'. At the bottom of the page, there are logos for 'BOOST juice bars', 'SUPARIMAU', and 'MAXIM EVENTS'.



[www.ligasuparimau.my](http://www.ligasuparimau.my)

# Garis Panduan Umum

Liga Suparimau, yang dibawakan oleh Boost Juice akan mematuhi segala peraturan, format dan garis panduan umum yang dinyatakan dalam pek maklumat ini, kecuali dinyatakan di tempat lain:

- Format pertandingan, kategori umur dan kelayakan umur pemain adalah seperti yang dijelaskan di halaman 2, 3, 8 dan 9 Pek Maklumat Liga Suparimau
- Setiap kategori umur akan mempunyai maksimum 12 pasukan setiap liga. Sekiranya lebih daripada 12 pasukan didaftarkan untuk kategori umur, pertandingan akan dibahagikan kepada 2 atau lebih kumpulan.
- Pasukan akan menerima 3 mata untuk kemenangan, 1 mata untuk seri dan 0 mata untuk kekalahan
- Undian untuk liga akan berlangsung sebelum musim bermula dan semua perlawan akan dimuat naik di laman sesawang dan aplikasi mudah alih Liga Suparimau
- Juara liga adalah pasukan dengan mata terbanyak pada akhir musim. Sekiranya keputusan seri pada hari terakhir akhir liga, perbezaan gol akan dinilai untuk menentukan pemenang. Sekiranya kedudukan pasukan masih sama, perkara berikut akan digunakan untuk menentukan juara liga, mengikut urutan:
  - Jumlah jaringan gol terbanyak
  - Jumlah gol bolos terkurang
  - Keputusan perlawan antara pasukan ketika mereka bermain antara satu sama lain
  - Jika keputusan masih lagi seri, perlawan dengan format gol emas akan dijalankan. Pasukan yang menjaringkan gol pertama akan dinobatkan sebagai juara
- Pasukan tidak boleh lewat 10 minit dari sepak mula perlawan. Sekiranya pasukan hadir lewat lebih daripada 10 minit, mereka berisiko mendapat 'walkover' kepada lawan mereka.
- Sekiranya keadaan padang tidak sesuai untuk bermain kerana hujan lebat, kilat atau atas sebab lain, Jawatankuasa Liga berhak untuk memutuskan keputusan atau mengubah format perlawan tersebut.
- Sekiranya terdapat tunjuk perasaan atau perselisihan, Jawatankuasa Liga mempunyai bidang kuasa tunggal untuk menyelesaikan perkara tersebut.
- Jawatankuasa Liga berhak untuk menukar dan mengemaskini peraturan atau format liga pada bila-bila masa dan mengikut budi bicara pengajur. Senarai peraturan terkini boleh didapati di [www.ligasuparimau.my/rules](http://www.ligasuparimau.my/rules)
- Setiap pasukan disarankan untuk mendapatkan perlindungan insurans sendiri sebelum bermain. Maxim Events Sdn Bhd atau FAM tidak bertanggungjawab atas sebarang kemalangan, kecederaan atau kematian yang mungkin berlaku sepanjang liga dijalankan, dan semua pasukan yang bertanding perlu menanggung risiko mereka sendiri.

# Tatatertib

Liga Suparimau, yang dibawakan oleh Boost Juice di jalankan dengan tujuan untuk menyediakan perlawanan liga bola sepak akar umbi di dalam persekitaran yang positif untuk semua pemain, ibu bapa dan jurulatih. Oleh itu, kami berharap agar semua pihak dapat mengikuti tatatertib yang disenaraikan di bawah. Kegagalan mana-mana pihak untuk mematuhi tatatertib yang dinyatakan dalam pek maklumat ini boleh menyebabkan pasukan tersingkir dari liga.

- Kedua-dua pasukan digalakkan untuk berada dalam keadaan yang baik, dan positif
- Tiada toleransi terhadap mana-mana pihak yang menggunakan bahasa yang kasar atau tidak sopan
- Tidak ada toleransi terhadap mana-mana pihak yang mengkritik atau mengganggu pegawai, jurulatih, lawan, atau peminat
- Penggunaan atau pengambilan alkohol, dadah atau tembakau semasa permainan di dalam kawasan padang adalah dilarang
- Semua pihak bertanggungjawab untuk memastikan semua ahli keluarga dan rakan yang menghadiri permainan untuk saling mengawasi satu sama lain
- Ibu bapa tidak boleh memalsukan identiti anak mereka seperti umur untuk membenarkan mereka bermain di kategori umur yang lain
- Ibu bapa tidak boleh terlibat dalam usaha mencari dan mencuri pemain dari pasukan lain
- Ibu bapa tidak boleh memberi tekanan atau gangguan kepada pihak pelatih mengenai masa bermain untuk anak mereka
- Ibu bapa, pemain, dan jurulatih akan menghormati semua jurulatih, pengadil dan pemain lawan sama sekali, dan perlu mempunyai semangat kesukuan sebagai keutamaan mereka dalam semua permainan dan latihan
- Jurulatih tidak boleh melanggar atau berniat untuk melanggar peraturan liga
- Jurulatih tidak boleh mencuba untuk merekrut atau mempengaruhi mana-mana pemain atau ibu bapa untuk meninggalkan pasukan semasa dan sertai pasukan lain
- Jurulatih tidak boleh melakukan sebarang usaha untuk merekrut pemain dari pasukan lain
- Jurulatih tidak boleh membenarkan pemain yang cedera bermain atau memasuki semula permainan tanpa persetujuan ibu bapa mereka atau pasukan perubatan yang bertugas





# Musim 2021 A

## Jadual Daerah

### Jun–September

Liga Suparimau,  
dipersembahkan oleh Boost Juice

ORGANIZED BY:



# Liga Suparimau Lembah Klang

## | Lokasi

**Endfield**, The Club at Bukit Utama  
**The New Camp**, Bandar Utama  
**Ardence Arena**, Setia Alam  
**UM Park/Varsity**, Universiti Malaya  
**Stadium Panasonic**, Shah Alam  
**TSI Sports Arena**, Cyberjaya  
**Arena Jubli Perak**, Bangi

| Lebih banyak lokasi akan dimaklumkan tidak lama lagi

## | Kategori umur

Bawah 6  
Bawah 8  
Bawah 10 (Lelaki dan Perempuan)  
Bawah 12 (Lelaki dan Perempuan)  
Bawah 14 (Lelaki dan Perempuan)  
Bawah 16 (Lelaki dan Perempuan)

## | Tarikh

**Musim A:**  
12 Jun – 29 Ogos  
  
**Musim B:**  
18 Sep – 5 Dis

## | Jadual Musim A: Jun–Ogos 2021

- Perlawanan akan dijalankan pada hari sabtu atau ahad
- Pasukan perlu bermain untuk 10 atau 11 minggu perlawan
- Pasukan akan bermain 1 perlawan setiap hari (melainkan jika mereka diminta untuk melengkapkan perlawan susulan)

Jun			Julai			Ogos		
Hari	Tarikh	Minggu Perlawan	Tarikh	Minggu Perlawan	Tarikh	Minggu Perlawan		
Sabtu	5	–	3	Minggu Perlawan 4				
Ahad	6	–	4	Minggu Perlawan 4	1	Minggu Perlawan 8		
Sabtu	12	Minggu Perlawan 1	10	Minggu Perlawan 5	7	Minggu Perlawan 9		
Ahad	13	Minggu Perlawan 1	11	Minggu Perlawan 5	8	Minggu Perlawan 9		
Sabtu	19	Minggu Perlawan 2	17	Minggu Perlawan 6	14	Minggu Perlawan 10		
Ahad	20	Minggu Perlawan 2	18	Minggu Perlawan 6	15	Minggu Perlawan 10		
Sabtu	26	Minggu Perlawan 3	24	Minggu Perlawan 7	21	Minggu Perlawan 11		
Ahad	27	Minggu Perlawan 3	25	Minggu Perlawan 7	22	Minggu Perlawan 11		
Sabtu			31	Minggu Perlawan 8	28	Minggu Perlawan 12		
Ahad					29	Minggu Perlawan 12		



# Liga Suparimau Penang

## | Lokasi

Bagi tahun 2021, 1 lokasi Liga Suparimau akan dijalankan di Penang.

| Lokasi akan dimaklumkan tidak lama lagi

## | Kategori umur

Bawah 6  
Bawah 8  
Bawah 10 (Lelaki dan Perempuan)  
Bawah 12 (Lelaki dan Perempuan)  
Bawah 14 (Lelaki dan Perempuan)  
Bawah 16 (Lelaki dan Perempuan)

## | Tarikh

**Musim A:**  
12 Jun – 29 Ogos

**Musim B:**  
18 Sep – 5 Dis

## | Jadual Musim A: Jun–Ogos 2021

- Perlawanan akan dijalankan pada hari sabtu atau ahad
- Pasukan perlu bermain untuk 10 atau 11 minggu perlawan
- Pasukan akan bermain 1 perlawan setiap hari (melainkan jika mereka diminta untuk melengkapkan perlawan susulan)

Jun			Julai		Ogos	
Hari	Tarikh	Minggu Perlawan	Tarikh	Minggu Perlawan	Tarikh	Minggu Perlawan
Sabtu	5	–	3	Minggu Perlawan 4		
Ahad	6	–	4	Minggu Perlawan 4	1	Minggu Perlawan 8
Sabtu	12	Minggu Perlawan 1	10	Minggu Perlawan 5	7	Minggu Perlawan 9
Ahad	13	Minggu Perlawan 1	11	Minggu Perlawan 5	8	Minggu Perlawan 9
Sabtu	19	Minggu Perlawan 2	17	Minggu Perlawan 6	14	Minggu Perlawan 10
Ahad	20	Minggu Perlawan 2	18	Minggu Perlawan 6	15	Minggu Perlawan 10
Sabtu	26	Minggu Perlawan 3	24	Minggu Perlawan 7	21	Minggu Perlawan 11
Ahad	27	Minggu Perlawan 3	25	Minggu Perlawan 7	22	Minggu Perlawan 11
Sabtu			31	Minggu Perlawan 8	28	Minggu Perlawan 12
Ahad					29	Minggu Perlawan 12



# Liga Suparimau Perak

## | Lokasi

Bagi tahun 2021, 1 lokasi Liga Suparimau akan dijalankan di Ipoh, Perak.

| Lokasi akan dimaklumkan tidak lama lagi

## | Kategori umur

Bawah 6  
Bawah 8  
Bawah 10 (Lelaki dan Perempuan)  
Bawah 12 (Lelaki dan Perempuan)  
Bawah 14 (Lelaki dan Perempuan)  
Bawah 16 (Lelaki dan Perempuan)

## | Tarikh

**Musim A:**  
10 Jul – 12 Sep  
  
**Musim B:**  
18 Sep – 5 Dis

## | Jadual Musim A: Jun–Ogos 2021

- Perlawanan akan dijalankan pada hari sabtu atau ahad
- Pasukan akan bermain 1 perlawanan setiap hari (melainkan jika mereka diminta untuk melengkapkan perlawanan susulan)

Julai			Ogos		September	
Hari	Tarikh	Minggu Perlawanan	Tarikh	Minggu Perlawanan	Tarikh	Minggu Perlawanan
Sabtu	3	–			4	Minggu Perlawanan 9
Ahad	4	–	1	Minggu Perlawanan 4	5	Minggu Perlawanan 9
Sabtu	10	Minggu Perlawanan 1	7	Minggu Perlawanan 5	11	Minggu Perlawanan 10
Ahad	11	Minggu Perlawanan 1	8	Minggu Perlawanan 5	12	Minggu Perlawanan 10
Sabtu	17	Minggu Perlawanan 2	14	Minggu Perlawanan 6		
Ahad	18	Minggu Perlawanan 2	15	Minggu Perlawanan 6		
Sabtu	24	Minggu Perlawanan 3	21	Minggu Perlawanan 7		
Ahad	25	Minggu Perlawanan 3	22	Minggu Perlawanan 7		
Sabtu	31	Minggu Perlawanan 4	28	Minggu Perlawanan 8		
Ahad			29	Minggu Perlawanan 8		



# Liga Suparimau Johor

## | Lokasi

Bagi tahun 2021, 1 lokasi Liga Suparimau akan dijalankan di Johor.

| Lokasi akan dimaklumkan tidak lama lagi

## | Kategori umur

Bawah 6  
Bawah 8  
Bawah 10 (Lelaki dan Perempuan)  
Bawah 12 (Lelaki dan Perempuan)  
Bawah 14 (Lelaki dan Perempuan)  
Bawah 16 (Lelaki dan Perempuan)

## | Tarikh

**Musim A:**  
23 Jul – 25 Sep

**Musim B:**  
1 Okt – 4 Dis

## | Jadual Musim A: Jul-Sep 2021

- Perlawanan akan dijalankan pada hari jumaat atau sabtu
- Pasukan akan bermain 1 perlawanan setiap hari (melainkan jika mereka diminta untuk melengkapkan perlawanan susulan)

Julai			Ogos			September		
Hari	Tarikh	Minggu Perlawanan	Tarikh	Minggu Perlawanan	Tarikh	Minggu Perlawanan		
Jumaat	2	–	6	Minggu Perlawanan 3	3	Minggu Perlawanan 7		
Sabtu	3	–	7	Minggu Perlawanan 3	4	Minggu Perlawanan 7		
Jumaat	9	–	13	Minggu Perlawanan 4	10	Minggu Perlawanan 8		
Sabtu	10	–	14	Minggu Perlawanan 4	11	Minggu Perlawanan 8		
Jumaat	16	–	20	Minggu Perlawanan 5	17	Minggu Perlawanan 9		
Sabtu	17	–	21	Minggu Perlawanan 5	18	Minggu Perlawanan 9		
Jumaat	23	Minggu Perlawanan 1	27	Minggu Perlawanan 6	24	Minggu Perlawanan 10		
Sabtu	24	Minggu Perlawanan 1	28	Minggu Perlawanan 6	25	Minggu Perlawanan 10		
Jumaat	30	Minggu Perlawanan 2						
Sabtu	31	Minggu Perlawanan 2						



# Liga Suparimau Negeri Sembilan

## | Lokasi

Bagi tahun 2021, 1 lokasi Liga Suparimau akan dijalankan di Seremban, Negeri Sembilan.

| Lokasi akan dimaklumkan tidak lama lagi

## | Kategori umur

Bawah 6  
Bawah 8  
Bawah 10 (Lelaki dan Perempuan)  
Bawah 12 (Lelaki dan Perempuan)  
Bawah 14 (Lelaki dan Perempuan)  
Bawah 16 (Lelaki dan Perempuan)

## | Tarikh

**Musim A:**  
26 Jun – 5 Sep  
**Musim B:**  
18 Sep – 5 Dis

## | Jadual Musim A: Jun–Ogos 2021

- Perlawanan akan dijalankan pada hari sabtu atau ahad
- Pasukan akan bermain 1 perlawanan setiap hari (melainkan jika mereka diminta untuk melengkapkan perlawanan susulan)

Jun			Julai		Ogos	
Hari	Tarikh	Minggu Perlawanan	Tarikh	Minggu Perlawanan	Tarikh	Minggu Perlawanan
Sabtu	5	–	3	Minggu Perlawanan 2		
Ahad	6	–	4	Minggu Perlawanan 2	1	Minggu Perlawanan 6
Sabtu	12	–	10	Minggu Perlawanan 3	7	Minggu Perlawanan 7
Ahad	13	–	11	Minggu Perlawanan 3	8	Minggu Perlawanan 7
Sabtu	19	–	17	Minggu Perlawanan 4	14	Minggu Perlawanan 8
Ahad	20	–	18	Minggu Perlawanan 4	15	Minggu Perlawanan 8
Sabtu	26	Minggu Perlawanan 1	24	Minggu Perlawanan 5	21	Minggu Perlawanan 9
Ahad	27	Minggu Perlawanan 1	25	Minggu Perlawanan 5	22	Minggu Perlawanan 9
Sabtu			31	Minggu Perlawanan 6	28	Minggu Perlawanan 10
Ahad					29	Minggu Perlawanan 10
September						
Ahad		Minggu Perlawanan				
Sabtu	4	Minggu Perlawanan 11				
	5	Minggu Perlawanan 11				



# Liga Suparimau Kedah

## | Lokasi

Bagi tahun 2021, 1 Liga Suparimau akan dijalankan di Stadium Mini Paremba, Kedah.

| Maklumat penuh lokasi akan dimaklumkan tidak lama lagi

## | Kategori umur

Bawah 6  
Bawah 8  
Bawah 10 (Lelaki dan Perempuan)  
Bawah 12 (Lelaki dan Perempuan)  
Bawah 14 (Lelaki dan Perempuan)  
Bawah 16 (Lelaki dan Perempuan)

## | Tarikh

**Musim A:**  
2 Jul – 4 Sep

**Musim B:**  
24 Sep – 4 Dis

## | Jadual Musim A: Jul-Sep 2021

- Perlawanan akan dijalankan pada hari jumaat atau sabtu
- Pasukan akan bermain 1 perlawanan setiap hari (melainkan jika mereka diminta untuk melengkapkan perlawanan susulan)

Julai			Ogos		September	
Hari	Tarikh	Minggu Perlawanan	Tarikh	Minggu Perlawanan	Tarikh	Minggu Perlawanan
Jumaat	2	Minggu Perlawanan 1	6	Minggu Perlawanan 6	3	Minggu Perlawanan 10
Sabtu	3	Minggu Perlawanan 1	7	Minggu Perlawanan 6	4	Minggu Perlawanan 10
Jumaat	9	Minggu Perlawanan 2	13	Minggu Perlawanan 7		
Sabtu	10	Minggu Perlawanan 2	14	Minggu Perlawanan 7		
Jumaat	16	Minggu Perlawanan 3	20	Minggu Perlawanan 8		
Sabtu	17	Minggu Perlawanan 3	21	Minggu Perlawanan 8		
Jumaat	23	Minggu Perlawanan 4	27	Minggu Perlawanan 9		
Sabtu	24	Minggu Perlawanan 4	28	Minggu Perlawanan 9		
Jumaat	30	Minggu Perlawanan 5				
Sabtu	31	Minggu Perlawanan 5				



**Ada sebarang pertanyaan?  
Hubungi pihak pengurusan Liga Suparimaau**

**Bahasa Malaysia:**

**Uzair Azim**  
012-211 5909  
uzair@ligasuparimaau.my

**Bahasa Inggeris:**

**Will Kucia**  
012-770 5909  
will@ligasuparimaau.my

**Suparimaau Charter  
Hubungi FAM Grassroots**

**Cameron Ng**  
010-270 0711  
grassroots@fam.org.my

**ORGANIZED BY:**



**[www.ligasuparimaau.my](http://www.ligasuparimaau.my)**